

# Tayangan perdana filem Anwar malam ini

Oleh HASIF IDRIS  
hasif.idris@mediamulra.com.my

**PETALING JAYA:** Walaupun berdepan kekangan sejak diusahakan pada 2011, filem *Anwar, The Untold Story* bakal menemui penonton selepas tayangan perdana naskhah itu diadakan di sebuah pawagam terkemuka di ibu negara, malam ini.

Tayangan perdana filem itu bakal dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan teraju utamanya seperti Farid Kamil yang memegang watak sebagai Anwar, Hasnul Rahmat (Tun Dr. Mahathir Mohamad) dan Acha Septriasa (Datuk Seri Dr. Wan Azizah).

Filem tersebut mengisahkan perjalanan politik Anwar dalam memerangi rasuah dengan latar

masa pada 1993 hingga 1998, ketika beliau dilantik sebagai Menteri Kewangan sehingga dipecat dan dipenjarakan.

Diolah daripada kisah benar, alur ceritanya adalah mengenai ketegasan Presiden PKR itu yang konsisten menolak pelbagai jenis imbuhan dan sogokan wang tunai daripada pihak tertentu.

Selain itu, filem berkenaan memaparkan bagaimana Anwar enggan menggunakan wang rakyat untuk menyelamatkan syarikat dimiliki anak pemimpin tertentu yang mengalami kerugian berbilion ringgit.

Filem yang mendapat sentuhan pengarah Indonesia, Viva Westi dan terbitan Bianglala Entertainment itu menelan kos pembikinan sebanyak RM10 juta.



FILEM *Anwar. The Untold Story* terbitan produksi Indonesia, Bianglala Entertainment dibarisi pelakon hebat seperti Farid Kamil, Hasnul Rahmat dan Acha Septriasa ditayangkan serentak di beberapa negara termasuk Brunei dan Singapura.